



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor diiringi Dr Ng (kiri) ketika melawat gerai pameran Kementerian Pelancongan Malaysia pada 'Malaysian International Tourism Exchange, MITE 2012' di MAEPS, Serdang.



Dr Ng bersama pengurus kanan Program Homestay Malaysia yang memenangi Anugerah UNWTO Ulysses.

B/H 29/12/12 MS 12

Dr Ng komited majukan sektor Pelancongan

» Inisiatif dilaksana bolehkan negara



Muhyiddin bersama Dr Ng ketika pelancaran Galeri Seni Motour.

menerima pengiktirafan

Oleh Haryani Ngah
aryani@bharian.com.my

Persatuan Pelancongan Asia Pasifik (PATA), memberi anugerah pingat emas PATA kepada Menteri Pelancongan Malaysia Datuk Seri Dr Ng Yen Yen berdasarkan pengiktirafan ke atas kecemerlangan, inovasi dan standard pelancongan terbaik dalam pelancongan Asia Pasifik dan industri pelancongan.

Pada 21 April lalu Dr Ng menerima anugerah Ahli Kehormat Seumur Hidup PATA berikutan pencapaian cemerlangnya dan sumbangannya ke atas industri pelancongan negara.

Anugerah itu disampaikan oleh Pengerusi PATA, Hiran Cooray

KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA

dan disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada acara pembukaan Persidangan Tahunan PATA 2012 di Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur.

Dr Ng bukanlah asing dalam industri pelancongan, pembabitannya bermula sebagai Timbalan Menteri pada 1999 hingga 2003 seterusnya menjadi Menteri Pelancongan pada 2009 hingga sekarang.

Lahirkan idea inovatif

Sepanjang tujuh tahun mengetuai pelancongan negara, beliau memberi sepenuh komitmen serta melahirkan idea inovatif dan kreatif untuk memastikan industri pelancongan di negara ini maju ke depan.

Sepanjang menjadi Menteri Pelancongan, prestasi pelancongan

Malaysia mencapai kejayaan cemerlang dengan peningkatan kehadiran pelancong daripada 23.6 juta pada 2009 kepada 24.7 juta pada 2011 dan mendapat perolehan daripada RM53.4 bilion (USD17.8 bilion) pada 2009 kepada RM58.3 bilion (USD19.4 bilion).

Ketika beliau menjadi menteri juga, Malaysia terus kekal di kedudukan ke-9 sebagai negara paling dilawati oleh UNWTO untuk tiga tahun berturut turut bermula 2009 hingga 2011.

Memiliki latar belakang sebagai pegawai perubatan, kesungguhan dan karakter serta tenaganya menjadikan pelancongan di negara ini mencapai kejayaan.

Kempen tarik pengunjung

Beliau bertanggungjawab memperkenalkan kempen '1Malaysia

Hijau, 1Malaysia Bersih' bagi mempromosi kesedaran, menyokong pemansuhan duti import untuk menjenamakan Malaysia sebagai destinasi bebas cukai, melaksanakan semula program inap desa untuk menggalakkan penyertaan pelancongan yang memberi manfaat kepada masyarakat luar bandar, menggalakkan penciptaan pembangunan pelancongan mewah, menerokai geografi pasaran pelancongan dan produk berasaskan pelancongan.

Beliau turut memainkan peranan penting dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mewah dengan memfokuskan kepada pelancongan taman. Inisiatif yang dilaksanakan beliau mendapat pengiktirafan apabila Malaysia menerima anugerah emas untuk konsep taman dan di Pameran Bunga RHS Chelsea yang ber-

prestij di London untuk dua tahun berturut-turut pada 2010 dan 2011.

Pada 4 September lalu, Dr Ng dianugerah Doktor Kehormat (HonorisCausa) oleh Canselor Josai International University (JIU), Noriko Mizuta di Tokyo.

Kuala Lumpur berada di kedudukan kelima dengan Malaysia kekal di tempat ke-10 untuk destinasi mesyuarat Asia Pasifik berdasarkan sumber ranking International Congress and Convention Association (ICCA).

Menang anugerah

Pada 24 Mei 2012 Kuala Lumpur meningkat dua anak tangga pada ranking seminar dunia dan tempat ketiga di Asia Pacific berdasarkan jumlah mesyuarat antarabangsa yang berlangsung pada 2011.

Pada 20 Mac 2012 Pelancongan Malaysia berjaya memenangi Anugerah Booth paling popular bagi kategori antarabangsa pada pameran pelancongan Filipina yang terbesar.

Malaysia turut diumumkan sebagai pemenang poster pelancongan terbaik pada pertandingan bagi kategori Asia Timur dan Rantau Pasifik kali ke-19 anjuran UNWTO yang berlangsung di Korea pada 9 hingga 14 Oktober 2011.

Poster pelancongan Malaysia yang bertajuk 'Homestay' berjaya mengenyepikan saingan dari Indonesia, India, Jepun, Korea, Thailand dan Laos.



Taman Malaysia yang **memenangi anugerah** pada Pameran Flora di Chelsea, Britain.



Program berbasikal anjuran **Kementerian Pelancongan** di Putrajaya.



Kehadiran pelancong meningkat

Langkah penjenamaan destinasi mewah beri kesan positif

Malaysia mencatatkan pertumbuhan positif dalam sektor pelancongan secara keseluruhan pada tahun ini berikutan keberkesanan penjenamaan destinasi mewah yang dilaksanakan.

Ini dapat dilihat melalui peningkatan kehadiran pelancong kepada 24,714,324 berbanding 24,577,196 pada 2010 dengan perolehan RM58.3 bilion berbanding RM56.5 bilion tahun sebelumnya.

Pada 30 Ogos lalu, Kementerian Pelancongan mengumumkan Malaysia menerima kehadiran 11,632,478 pelancong untuk enam bulan pertama 2012, iaitu meningkat sebanyak 2.4 peratus berbanding kehadiran 11,362,862 pelancong pada tempoh sama tahun lalu.

Jumlah kehadiran pelancong ke negara ini pada Januari hingga Jun 2012 meningkat sebanyak 4 peratus dan menghasilkan RM26.8 bilion kepada pendapatan negara berbanding RM25.7 bilion pada 2011.

Di bawah Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia, pelancongan negara dijangka mencapai 36 juta kehadiran pelancong dan memperoleh pendapatan sebanyak RM168 bilion pada 2020.

Malaysia kini berada di kedudukan ke-9 negara yang paling lawati di dunia oleh UNWTO, dengan catatan 24.7 juta pelancong iaitu kurang sebanyak 558,411 pelancong berbanding Australia.

Kuala Lumpur kini berada di kedudukan keempat di rangkaian berita global, berdasarkan tinjauan pelancongan CNN ke atas 10 tempat membeli belah pilihan dunia dan berada sebaris di ke-



KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA

dudukan kota raya terkenal seperti Paris, Hong Kong dan Dubai (seperti diumumkan pada November 2012). Tiga bandaraya membeli belah terbaik di dunia adalah New York, London dan Tokyo.

Lokasi kedua terbaik beli-belah

Pada awal November 2012, bandaraya Kuala Lumpur dinobatkan sebagai lokasi kedua terbaik membeli belah di Asia Pacific oleh Globe Shopper Index, yang dicipta oleh Economist Intelligence Unit, iaitu sebahagian daripada Jawatankuasa Kumpulan Ekonomi iaitu syarikat pelancongan membeli belah Global Blue yang berpangkalan di Switzerland.

Kajian ke atas bandaraya oleh Trip Advisor pula menunjukkan Kuala Lumpur berada di kedudukan kelapan.



Program Homestay di bawah Kementerian Pelancongan diumumkan sebagai pemenang Anugerah Ulysses UNWTO untuk kategori Inovasi Polisi Awam dan Pemerintahan di Majlis Anugerah UNWTO yang berlangsung di Istanbul, Turki pada 15 November lalu.

Sebuah rencana yang disiarkan di *Forbes Online* meletakkan Malaysia di kedudukan ke-10 sebagai negara yang mesra. Kajian itu berdasarkan beberapa soalan yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu keupayaan berkawan dengan masyarakat tempatan, kejayaan mempelajari bahasa tempatan, kapasiti dalam menyatakan masyarakat, keupayaan untuk memahami budaya baru. Soalan ini diajukan kepada 5,339 rakyat asing dari 97 negara.

Pada Oktober lalu, Malaysia mendapat pengiktirafan sebagai

negara ke-12 ekonomi paling kompetitif dalam dunia perniagaan. Laporan yang dikeluarkan oleh Bank Dunia meletakkan Malaysia di depan sebaris negara ekonomi maju seperti Sweden, Taiwan, Jerman, Jepun dan Switzerland.

Ini menunjukkan Malaysia sebuah negara yang sangat kompetitif dalam sektor ekonomi, kesan kejayaan pelaksanaan oleh kerajaan dalam meningkatkan suasa perniagaan yang sangat kondusif untuk meningkatkan ekonomi.

Dalam laporan berbeza pada Oktober lalu juga, Malaysia berada di kedudukan kelapan di antara 18 negara Asia Pasifik berdasarkan tinjauan keupuasan perkhidmatan, berdasarkan empat kunci parameter iaitu tinjauan ke atas pakar eksekutif dan pemasaran, peringkat inovasi negara, keupaa-

san perniagaan dan keupayaan teknologi sebagai kayu pengukur pada Forum Ekonomi Dunia.

Destinasi utama pelancong Muslim

Pengiktirafan penting yang lain termasuklah kajian oleh Dinar Standard yang meletakkan Malaysia sebagai satu destinasi utama pelancongan Muslim kepada pelancong Muslim sebaris dengan Turki dan Emiriah Arab Bersatu.

Pengiktirafan ini mengesahkan usaha Kementerian Pelancongan dan Pelancongan Malaysia untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan

utama yang mempunyai pelbagai tarikan pelancong dan aktiviti menarik.

Tahun lalu, Malaysia menerima kunjungan 24.7 juta pelancong dengan perolehan RM58.3 bilion meletakkan Malaysia sebagai negara ke sembilan negara paling di kunjungi di dunia buat tahun ketiga berturut turut sejak 2009, menurut Organisasi Tourism Dunia.

Malaysia memenangi tiga Anugerah Emas PATA 2012, yang menunjukkan kejayaan penjenamaan dan pemasaran negara sebagai destinasi pelancongan utama.

Anugerah emas itu dimenangi bagi kategori Pemasaran - Destinasi Utama Kerajaan untuk kempen "Sejuta Pengalaman Untuk Dikongsi", Pemasaran Media, Poster Pelancongan dengan gambar Orang Utan, Menyelam, Gunung Kinabalu, Homestay dan Pasar Siti Khadijah.

Anugerah ketiga dimenangi oleh Frangipani Langkawi Resort & Spa bagi kategori 'Alam Sekitar - Program Pendidikan' untuk pengurusan sistem air buangan.



Dr Ng Yen Yen



Pelancong asing menikmati pengalaman menarik Program Homestay.